

15/07/2002

PM saran jelajah disiarkan seluruh dunia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan perlumbaan jelajah Le Tour de Langkawi (LTdL) disiarkan secara langsung ke seluruh dunia bagi mempromosi nama Malaysia dan menarik pelancong asing.

Menurut Perdana Menteri yang juga Penaung LTdL, sudah tiba masanya Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) menyiarkan perlumbaan berprestij Asia itu ke serata dunia kerana ia satu kaedah paling murah untuk mempromosi nama Malaysia.

Apabila sudah mendengar nama Malaysia dan kehebatan perlumbaan jelajah itu, katanya, pelancong asing akan lebih tertarik untuk datang dan melihat sendiri cara penganjuran serta aksi perlumbaan itu secara dekat.

"Apabila menyebut nama Malaysia, orang luar akan mengingati Sepang (Litar F1 Sepang) kerana ada perlumbaan Formula Satu di sana. Tetapi ia hanya di satu tempat saja. Dengan lumba basikal, mereka akan dapat melihat lebih banyak keindahan di negara ini selama 10 hari berturut-turut," katanya di majlis penghargaan Telekom Malaysia LTdL 2002 dan pengumuman LTdL 2003 di Putrajaya, semalam.

Menurut Dr Mahathir, RTM selaku hos penyiar rasmi jelajah bertaraf 2.3 itu, harus menjalinkan kerjasama dan kepakaran teknikal dengan pihak stesen luar negara supaya siaran secara langsung itu boleh diikuti di seluruh dunia pada masa akan datang.

LTdL yang sudah memasuki tahun ketujuh dapat diikuti kira-kira 600 juta penonton seluruh dunia tetapi ia hanya membabitkan siaran tertunda yang hanya memaparkan aksi kemuncak perlumbaan.

"Dengan adanya siaran langsung LTdL, Malaysia juga akan terkenal sebagai tuan rumah yang baik dan membuktikan kemampuan semua pihak ini bekerjasama dalam satu pasukan," katanya.

Di majlis itu juga, Perdana Menteri menyerahkan watak yang memberi mandat kepada penganjur untuk menganjurkan perlumbaan edisi kelapan 2003 yang akan membabitkan 10 peringkat perlumbaan, bermula 31 Januari hingga 9 Februari.

Selepas tidak tersenarai sebagai laluan pada edisi lalu, jelajah musim depan akan dimulakan di Pulau Langkawi membabitkan acara ujian masa individu sejauh 9.2km, sebelum berpindah ke tanah besar dan bermula dari Kangar ke Butterworth bagi peringkat kedua sejauh 146.4km.

Perlumbaan diteruskan dari Kulim-Ipoh (169.5km); Gerik-Tanah Merah (172.9km); Kota Bharu-Kuala Terengganu (180.1km); Marang-Chukai (136.3km); Kuantan-Bentong (191km); Menara Telekom KL-Seremban (111km); Seremban-Genting Highlands (154km) dan peringkat 10 Kriteria Dataran Merdeka (75.3km).